

18 JUN 2003

Umno-Pemuda (Agama)

PEMUDA UMNO CADANG HARAKAH DIBATALKAN PERMIT

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Seorang wakil Pergerakan Pemuda Umno mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri supaya membatalkan permit penerbitan Harakah, lidah rasmi PAS, kerana sering menyiarkan berita-berita yang menghina pemimpin negara.

Wakil Pemuda Perlis Razali Che Man berkata penghinaan demi penghinaan yang dilakukan oleh Harakah, dan yang terbaru menyiarkan kartun yang menghina Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak boleh terus dibiarkan.

"Penghinaan ini tidak boleh dibiarkan dan dimaafkan. Mereka telah diberi peluang tetapi terus menghina (pemimpin-pemimpin negara). Sekiranya dibiarkan akan mendatangkan kemudaratan kepada umat Islam di negara ini.

"Mereka (Harakah) tidak ikut etika kewartawanan dan garis panduan yang ditetapkan oleh KDN walaupun mereka telah diberi kebebasan. Mereka wajar diharamkan," katanya ketika membahaskan usul ucapan terima kasih Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein pada perhimpunan pergerakan itu, di sini hari ini.

Kartun yang disiarkan dalam Harakah itu memaparkan lakaran yang mengaitkan babi dengan punca wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) manakala masalah Sekolah Agama Rakyat (SAR) dikaitkan dengan Dr Mahathir dengan lakaran wajahnya mempunyai hidung panjang dan namanya diganti dengan perkataan "Mahazir".

Wakil Pemuda Kedah, Abdul Rahman Mahmood turut menyentuh pembabitan pemimpin PAS dalam memfitnah pemimpin Umno serta menghasut generasi muda orang Melayu hingga menyebabkan banyak agenda pembangunan yang disusun kerajaan persekutuan terganggu.

Katanya PAS sebenarnya iri hati dengan kejayaan Umno selama ini hingga menyebabkan parti pembangkang berkenaan sanggup berkempen bahawa kononnya Perlembagaan Umno tidak berteraskan Islam sebagai usaha supaya orang Melayu menolak perjuangan dan kejayaan Umno meningkatkan syiar Islam sejak 57 tahun yang lepas.

"Sebenarnya PAS adalah pengkhianat bangsa," katanya.

Abdul Rahman, yang juga Ketua Pemuda Padang Serai, turut memuji usaha kerajaan pusat menangani isu Sekolah Agama Rakyat (SAR) semata-mata untuk mempertingkatkan mutu pendidikan agama Islam di negara ini walaupun mendapat tentangan daripada PAS.

Katanya bagi kepentingan politik di negara ini, PAS sanggup membiarkan pelajar SAR belajar dalam suasana daif dan kekurangan kemudahan pendidikan pembelajaran hingga menyebabkan banyak pelajar sekolah berkenaan tercicir.

Beliau berkata Pemuda Umno Kedah juga akan mengekang usaha PAS yang bercita-cita untuk menawan Kedah pada pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

RAR KHY ROS